



● Antara golongan ibu yang prihatin dengan pembentukan keluarga cemerlang hadir dan memberikan perhatian terhadap ceramah yang disampaikan pada Karnival Keluarga Sihat dan Penyayang di Surau Ulumuddin.

Ibu bapa perlu pandai main peranan

S-14 06/63.109 MS 20

KAMPUNG NELAYAN - Setiap bapa perlu ada kemahiran untuk menjadi insan yang disayangi, dihormati dan diteladani anak-anak.

Panel Penceramah Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Gulam Muzammil Mohamed berkata, setiap anak dilahirkan berpotensi menjadi insan cemerlang jika bakat dan potensinya digilap ibu bapa.

Katanya, seorang bapa perlu mempunyai kemahiran komunikasi, memahami perbezaan tingkah laku lelaki dan perempuan serta mempunyai keseimbangan teknik pemberian hadiah serta hukuman.

"Dalam teknik memberikan hadiah ataupun ganjaran terhadap pencapaian anak-anak, ibu bapa perlu mengelakkan daripada memberi ganjaran yang boleh mendatangkan keburukan. Contohnya telefon bimbit, di mana sekarang ramai anak-anak yang menyalahgunakannya.

"Dalam mendidik anak-anak, berikan ganjaran yang dapat memberikan kebaikan kepada mereka. Jangan kita beri hadiah yang tidak sesuai kerana akhirnya akan merosakkan anak-anak kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ceramah peranan untuk melahirkan keluarga cemerlang sempena Karnival Keluarga Sihat dan Penyayang di Surau Ulumuddin, di sini.

Menurut Gulam, jiwa anak-anak perlu ditekankan bahawa pelajaran yang akan menjadi harta paling berharga kepada mereka dan dalam masa yang sama penekanan tersebut penting kepada anak sulung kerana merekalah yang akan menjadi model kepada adik-adik yang lain.

Beliau berkata, ibu bapa adalah model kepada anak-anak untuk dicontohi dan mereka juga adalah penyelia serta penasihat yang paling baik.

"Terapkan anak-anak supaya menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain supaya dihormati sekali gus menjaga nama baik keluarga.

"Berikan semangat dan keyakinan bahawa mereka boleh mencipta kejayaan seperti orang lain. Berikan mereka bayangan apa yang akan diraih jika mereka mencapai matlamat dan tidak salah menakutkan anak-anak tentang akibat yang harus ditanggung jika mereka gagal," katanya.